



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

Tel : 082 - 473473
Faks : 082 - 473478
Laman Web : jpnsarawak.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNSW.SPMICT 100-6/1/8 Jld. 2(17)

Tarikh : 2 Januari 2019

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah

Tuan,

PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2018 – TADBIR URUS JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KPM DAN SURAT PEKELILING ICT KPM BILANGAN 1 TAHUN 2018 – GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) KPM

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pihak KPM telah mengeluarkan **Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2018 - Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia dan Surat Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2018 - Garis Panduan Tatacara Permohonan Kelulusan Teknikal Inisiatif Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Kementerian Pendidikan Malaysia** bertarikh 4 Disember 2018. Kedua-dua pekeling dan surat pekeling tersebut telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Dr. Ketua Setiausaha (KSU) KPM dan boleh dicapai serta dimuat turun di Laman Web Rasmi JPN Sarawak (<http://jpnsarawak.moe.gov.my/index.php/ms>).

3. Tuan/Puan dipohon memanjang dan menghebahkan pekeling ini ke sekolah-sekolah di bawah seliaan masing-masing. Bagi memudahkan proses permohonan kelulusan teknikal ICT, dilampirkan Senarai Semak Permohonan Perolehan ICT Untuk Kelulusan JPICT JPN, Senarai Semak Untuk Permohonan Kelulusan Penerimaan Hadiah dan Inisiatif ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal JPICT JPN sebagai panduan dan rujukan bersama.

4. Pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai perkara ini ialah Puan Nur Khairin Gudabas (082-473780) dan Puan Fauziah Binti Marzuki (082-473787). Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AZIZAH BINTI MOHAMAD BEE)

Ketua Sektor
Sektor Pengurusan Maklumat dan ICT
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak